# Gesa semak status pekerja asing

(30 OKTOBER 2022) MHO, P6

**Kuala Lumpur:** Perlu semakan dan pengkhususan semula pekerja asing yang dilihat huru-hara kesan tempoh panjang pandemik Covid-19 sebelum ini.

Itu saranan Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM) berhubung isu kebanjiran pekerja warga Bangladesh yang dikesan mula bergiat aktif dalam perniagaan pakaian terpakai (bundle) di negara ini.

Presidennya Mohd Afiq Salim berkata, langkah itu perlu bagi memastikan warga asing terbabit masuk secara sah dan dibenarkan bekerja di sini.

Menurutnya, langkah itu memastikan risiko kejadian tidak diingini seperti jenayah dan sebagainya tidak berlaku.

Katanya, perubahan pola pekerjaan warga asing ini adalah kesan pandemik Covid-19 selama lebih dua tahun menyebabkan ramai warga asing yang hilang pekerjaan mengikut pengkhususan mereka.

"Kita tahu pekerja Bangladesh masuk ke sini untuk mengisi keperluan beberapa bidang terutamanya pembinaan dan perkhidmatan lain.

"Tetapi sejak Covid-19, semuanya bertukar arah. Ada yang daripada sektor pembinaan melakukan kerja-kerja am seperti perkhidmatan, pembersihan dan pertukangan.

"Sedangkan mereka tidak dibenarkan untuk bekerja di sektor itu. Ini menjadikan pekerja Bangladesh ada di mana-mana termasuk kedai *bundle*," katanya.